

Tidak wujud sindrom Habibie: **TPM**

Oleh Kadir Dikoh

BH -1 MAR 2000

KUALA LUMPUR, Selasa - **Datuk** Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menolak anggapan sesetengah pihak kononnya wujud sindrom 'Suharto-Habibie' di Malaysia dengan mengaitkannya dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad seperti dua bekas pemimpin Indonesia itu.

Timbalan Perdana Menteri berkata, adalah tidak adil untuk membandingkannya dengan Habibie dan Dr Mahathir dengan dua bekas presiden Indonesia itu.

"Saya diberi tugas sebagai Timbalan Perdana Menteri dan saya memahami apakah tugas saya sebagai Timbalan Perdana Menteri. Saya bukan berasa sebagai pemimpin alternatif kepada beliau (Dr Mahathir)...saya adalah pemimpin yang menjadi timbalan kepada beliau.

"Saya mesti menjalankan tugas-tugas saya. Dr Mahathir bukan Suharto...Malaysia bukan Indonesia," katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian bantuan persekolahan anak-anak yatim Wilayah Persekutuan, di sini hari ini.

Abdullah yang juga Naib Presiden Umno diminta mengulas kempen oleh sesetengah ahli Umno sekarang kononnya sindrom Habibie akan juga berlaku di Malaysia kerana hubungan rapat Abdullah dengan Dr Mahathir.

Kempen itu dikatakan untuk menjatuhkan reputasi Abdullah menjelang pemilihan Umno Mei ini, kononnya beliau tidak boleh diterima menjadi pemimpin kerana imejnya masih dibayangi Dr Mahathir.

Abdullah yang juga menjalankan tugas-tugas Timbalan Presiden Umno bagaimanapun berkata, terpujang kepada orang atau kumpulan yang melemparkan tanggapan seumpama itu.

"Kita tak boleh tutup mulut mereka...nak kata katalah. Tapi kalau saya ini diHabibiekan hanya kerana saya ini rapat dengan Dr Mahathir, saya ingat itu adalah cakap yang tak betul.

"Saya menyokong Dr Mahathir atas kepemimpinannya kepada negara, bangsa Melayu dan rakyat Malaysia. Beliau adalah seorang pemimpin yang berjaya dan kejayaannya diakui bukan saja dalam negara malah di seluruh dunia sehingga dianggap sebagai pemimpin berwawasan," katanya.

Katanya, Dr Mahathir berjaya membawa pemulihan ekonomi negara tanpa bantuan seperti Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) meskipun pendekatannya itu dikritik hebat oleh banyak pihak yang akhirnya terbukti berjaya.

"Hari ini semua orang pun kata, Dr Mahathir adalah betul. Jadi kita ikut pe-

mimpin bukan membuta tuli, mesti ada asas, mesti ada sebab. Saya pun biasa juga berbalah dengan beliau pada 1987 dulu...tetapi setelah Umno buat keputusan bahawa Dr Mahathirlah menjadi pemimpin kepada Umno.

"Maka saya patuh kepada keputusan demokrasi yang menyelesaikan perbalahan antara Team A dan Team B. Saya telahpun menyatakan sebelum itu saya akan patuh kepada keputusan dan terus berazam untuk menerima, mengakui kehendak Umno dan bekerja serta memberi sokongan kepada pemimpin parti," katanya.

Mengenai kemungkinan isu sindrom Habibie itu akan mempengaruhi sesetengah ahli Umno supaya memandang rendah keupayaannya memimpin, Abdullah berkata ahli Umno tidak mudah diperbodahkan.

Katanya, ahli Umno bijak untuk membuat penilaian dan mereka tahu perkembangan di dalam dan luar negara melalui media dan kaca televisyen.

"Saya tahu Umno akan memutuskan sesuatu masalah dengan bijaksana kerana apa yang umno mahu ialah akhirnya, Umno yang menjadi parti yang menang. Pemimpin yang dipilih akhirnya adalah yang berwisata dan ini akan menjayakan Umno," katanya.